



Siaran Akhbar No. 11/150
UNTUK TERBITAN SEGERA
28 April, 2011

Asia Kekal Sebagai Rantau Paling Dinamik Dunia, Namun Tompok Kemeruapan Masih Menjadi Risiko

Eksport dan permintaan domestik mencetuskan pertumbuhan ekonomi yang pesat di Asia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) berkata hari ini dalam *Regional Economic Outlook* (REO) terbarunya untuk Asia dan Pasifik yang dikeluarkan di Wilayah Pentadbiran Khas (SAR) Hong Kong, Republik Rakyat China.

Pertumbuhan ekonomi di kawasan Asia dan Pasifik dijangka akan kekal teguh pada tahun ini dan tahun hadapan, berkata En. Anoop Singh, Pengarah jabatan IMF Asia & Pasifik, yang memerhatikan bahawa pertumbuhan dijangka mendekati 7 peratus pada tahun 2011 dan 2012, sementara rantau ini terus mendahului pemulihan global. Jurang output semakin mengecil di kebanyakan ekonomi memuncuk Asia, di mana pertumbuhan dijangka akan mencapai sekitar 8 peratus, didahului oleh China dan India. Bagi SAR Hong Kong, pertumbuhan di tahun 2011 dijangka akan mendekati 5.5 peratus.

Tragedi akibat gempa bumi di Jepun di pertengahan bulan Mac lalu mengakibatkan kehilangan nyawa dan harta yang dahsyat. Tindak balas kerajaan Jepun membantu mengawal dampak ekonomi, dan limpahan kepada aktiviti di seluruh Asia akan terhad. Walau bagaimanapun, situasi masih lagi meragukan.

Pada keseluruhannya, risiko kepada prospek Asia adalah seimbang, walaupun risiko baru yang beraspek negatif telah muncul akibat rusuhan di Timur Tengah dan Afrika Utara serta ketidakpastian tentang kesan daripada tragedi di Jepun. Selain itu, kerentanan fiskal dan kewangan di negara maju boleh mempengaruhi Asia terutamanya melalui saluran perdagangan, kata laporan itu.

Di dalam Asia, tekanan potensi kemeruapan terus meningkat, dan risiko inflasi masih kekal tinggi, REO memberi amaran. Bagi keseluruhan rantau ini, inflasi Indeks Harga Pengguna (CPI) bertambah dengan pesat ke sekitar 4.5 peratus di bulan Februari 2011, sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan harga bahan api dan makanan, yang telah mula menjangkiti inflasi teras dan menjejaskan masyarakat miskin. Angka mentah inflasi umumnya dijangka akan meningkat lagi dalam tahun 2011, sebelum menjadi sederhana lembap pada tahun 2012. Tanda kemeruapan juga makin meningkat di beberapa pasaran aset

rantau ini. Di SAR Hong Kong, misalnya, terdapat risiko berlakunya gelembung harta tanah, dan pihak kerajaan sedang mengambil tindakan dasar yang proaktif, seperti memulakan pelbagai langkah berhemat, untuk menentang kemungkinan ini.

REO memerhatikan bahawa keperluan untuk memperketat kedudukan makroekonomi di Asia adalah lebih mendesak daripada tahun lalu. Pengetatan kewangan selanjutnya dan tindakan makroprudensial akan diperlukan di beberapa negara yang menghadapi tekanan kemeruapan yang semakin meningkat untuk mengawal dinamik kredit, menyelaraskan kadar faedah dengan pertumbuhan yang kuat, dan mengurangkan risiko kepada sektor kewangan. “Di banyak negara, kefleksibelan kadar pertukaran adalah barisan pertahanan penting terhadap kemeruapan. Selain itu, beberapa negara masih berupaya melakukan penyatuan fiskal, yang juga boleh membantu mengawal permintaan sementara membina ruang fiskal untuk membolehkan kerajaan bertindak balas dengan lebih berkesan terhadap goncangan masa depan,” kata REO.

“Memandang ke hadapan, cabaran utama bagi pembuat dasar di Asia masih untuk mencapai pertumbuhan yang seimbang, sinambung dan lebih inklusif dalam jangka pertengahan,” kata Mr Singh. Beliau menekankan keperluan mengurangkan ketidaksamaan melalui pasaran tenaga kerja yang inklusif, yang akan menghalang risiko terhadap kestabilan sosial, dan membina jentera pertumbuhan baru melalui memperkukuhkan permintaan domestik swasta.